

Anwar-Macron desak Israel hentikan keganasan di Gaza

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**
dan **NUR AIMI HAZIRAH**
hazirah.hizam@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Malaysia menghargai pendirian tegas Presiden Perancis, Emmanuel Macron supaya rejim Israel menghentikan keganasan di Gaza.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, ia selari dengan konsisten Malaysia yang menolak keganasan terhadap orang awam dan segala bentuk pilih kasih.

Beliau berkata, perkara itu dibincangkannya bersama Macron dalam pertemuan kedua-dua pemimpin di Istana Elysee, Paris, Perancis, semalam.

“Saya menyatakan sokongan terhadap usaha Presiden Macron dalam memperjuangkan keamanan dan kestabilan dunia.

“Saya juga menghargai ketegasan Presiden Macron yang mendesak agar rejim Israel menghentikan keganasan di Gaza dan membenarkan bantuan kemanusiaan disalurkan segera.

“Malaysia kekal konsisten menolak keganasan terhadap orang awam dan segala bentuk pilih kasih,” katanya menerusi kenyataan di Facebook.

Sementara itu, pada sidang akhbar di Istana Elysee, kedua-dua pemimpin juga bersetuju bahawa gencatan senjata kekal harus dilaksanakan di Gaza serta pembebasan tebusan juga perlu dilakukan.

Macron berkata, penyelesaian dua negara adalah kaedah terbaik untuk menyelesaikan isu Palestin-Israel.

“Kami sedang bekerjasama

UTUSAN MALAYSIA

6 JUL 2025

m/s: 2



ANWAR Ibrahim bersama Emmanuel Macron pada sidang akhbar kedua-dua pemimpin itu di Istana Elysee, Paris, Perancis, semalam. - PEJABAT PERDANA MENTERI

dengan beberapa pihak tentang perkara ini, antaranya Arab Saudi. Buat masa ini, Israel perlu membenarkan bantuan sampai ke Gaza,” katanya.

Anwar dalam pada itu, berkata, perbincangannya bersama Macron itu berlangsung dalam suasana amat terbuka dan jujur, mencerminkan tradisi keterbukaan, toleransi dan kebijaksanaan yang menjadi tunjang demokrasi Perancis.

“Saya mengangkat semangat ini sebagai asas penting dalam memperkukuh hubungan dua hala serta mendepani pelbagai cabaran global dengan berani dan berprinsip.

“Kerjasama strategik Malaysia dan Perancis terus berkembang merentas sektor berimpak tinggi, daripada teknologi aeroangkasa menerusi Airbus,

tenaga bersih bersama Petronas dan syarikat Perancis, hinggalah pendidikan tinggi, kecerdasan buatan, serta pertukaran pelajar,” kata beliau.

Perdana Menteri menambah, beliau dan Macron juga sependapat, dalam dunia yang sarat dengan ketidaktentuan, kerjasama tulen mestilah berlandaskan rasa saling menghormati, kepercayaan dan kejelasan moral.

“Ia untuk melihat satu sama lain bukan sebagai alat kepentingan, tetapi sebagai rakan setara dalam membentuk suatu tertib dunia yang lebih adil.

“Malaysia akan terus menjadi rakan yang konstruktif dan komited dalam memperkukuh multilateralisme serta usaha ke arah penyelesaian yang adil dan berkeadilan bagi dunia yang lebih aman,” katanya.